

'Era permulaan gelombang semikonduktor kedua negara'

Kerjasama komprehensif Malaysia, ARM selari matlamat perluas pasaran

Oleh Ilah Hafiz Aziz dan Hazwan Faisal Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerjasama komprehensif Malaysia dengan ARM Holdings Inc. menandakan permulaan gelombang semikonduktor kedua, yang membawa perubahan asas dalam pendekatan terhadap semikonduktor dan teknologi bagi mencorakkan masa depan negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penuhuan ibu pejabat serantau ARM Holdings juga selari dengan matlamat untuk memperluas jangkauan ke pasaran ASEAN, Australia dan New Zealand.

"Saya berterima kasih atas kepercayaan yang diberikan oleh pihak pengurusan tertinggi ARM terhadap negara kita.

"Hari ini, kerjasama Malaysia dengan ARM menandakan permulaan gelombang semikonduktor kedua. Ini perubahan asas dalam pendekatan kita terhadap semikonduktor dan teknologi yang akan membentuk masa depan kita.

"Melalui kerjasama menyeluruh dengan ARM, kita merangka satu pelan teknologi paling berambisi yang pernah dilaksanakan Malaysia, untuk menerajui pembangunan cip kecerdasan buatan (AI) 'Made by Malaysia'.

"Cip ini akan direka bentuk, dibuat, diuji dan dipasang di sini sebelum dipasarkan ke seluruh dunia," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis peluncuran kerjasama strategik dalam industri semikonduktor, di sini semalam.

Yang turut hadir, Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI), Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz serta Ketua Pegawai Eksekutif ARM, Rene Haas.

Tiga ciri utama kerjasama

Anwar berkata, kerjasama itu mempunyai tiga ciri utama iaitu pertama, membangunkan program latihan komprehensif untuk 10,000 jurutera reka bentuk litar bersepadu (IC), bagi mewujudkan saluran bakat yang kukuh untuk industri semikonduktor dalam negara.

"Memberikan syarikat Malaysia yang terpilih akses istimewa kepada teknologi dan portfolio harta intelek (IP) canggih ARM.

"(Ketiga) memudahkan pembangunan produk semikonduktor reka bentuk tempatan bagi menyokong matlamat negara dalam pengeluaran cip yang lebih maju



Anwar bersama Rene Haas (tiga kanan) serta Rafizi (dua kiri), Shamsul Azri (empat dari kiri) dan Tengku Zafrul (kiri) pada majlis peluncuran kerjasama strategik antara Malaysia dengan ARM Holdings Inc di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu dapat direalisasikan hasil usaha rentas kementerian membabitkan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang memastikan rangka pelaburan yang kompetitif serta terancang.

Selain itu katanya, Lembaga

Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang menerajui usaha pemudahcaraan dan memuktamadkan perjanjian dan Kementerian Kewangan serta Kementerian Ekonomi yang menyelenggarakan insentif kewangan serta memastikan kesan ekonomi yang mampan dan jangka panjang.

"Bersama-sama, kementerian-kementerian ini telah bekerja keras untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju global dalam industri semikonduktor.

"Saya yakin bahawa kita akan mencipta kesan pengganda ekonomi yang tidak terhad kepada Malaysia," katanya.